

Penyampai : DATIN SERI DR. SITI HASMAH BINTI HAJI MOHD. ALI
Tajuk : " DI MAJLIS 'MALAM KENANGAN BAKTI' SEMPENA ULANGTAHUN KE-10 BAKTI"
Lokasi : SRI PERDANA
Tarikh : 14-07-1987

Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Sultanah Zanariah, Raja Permaisuri Agung.

Ampun Tuanku, Bagi pihak ahli-ahli BAKTI dan diri patik sendiri, patik mengalu-alukan keberangkatan Duli Tuanku pada malam yang sangat bersejarah bagi BAKTI. Patik juga menyembah junjungan kasih yang tidak terhingga atas limpah kurnia Tuanku mencemar Duli ke Majlis Malam Kenangan BAKTI bersama-sama dengan Yang Amat Mulia Paduka Putri-Putri.

Keberangkatan Tuanku ini memberikan penghormatan dan juga perangsang kepada patik-patik ahli-ahli BAKTI sekalian untuk terus berkhidmat dan beramal bakti dalam segala kegiatan dengan lebih bersemangat lagi.

2. Patik ahli-ahli BAKTI juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah dan 'Selamat Hari Keputeraan' kepada Tuanku baru-baru ini. Tidak lupa juga ucapan tahniah kepada Ke Bawah Duli Tuanku selaku Yang Di-Pertua MAWAR atas kejayaan pelancaran Hari Mawar di Johor baru-baru ini.

Semoga Allah Subhanahu Wataala melanjutkan usia Tuanku dan memberkati dayausaha Tuanku mewujudkan MAWAR dan merahmatinya supaya berkembang merak dengan tujuan-tujuan yang harum dan murni.

Ampun Tuanku,

3. Seterusnya, patik memohon izin perkenan Tuanku untuk patik berucap kepada tetamu-tetamu yang turut hadir bersama-sama pada malam ini. Ampun Tuanku.

Yang Amat Berhormat Dato Seri Dr. Mahathir bin Mohamad, Perdana Menteri merangkap Penaung BAKTI; Yang Amat Berbahagia Puan Hajjah Asmah Alang, Naib Yang Di-Pertua BAKTI; Yang Amat Berbahagia Toh Puan Suhailah, Pengasas BAKTI; Yang Berhormat Datin Paduka Rafidah Aziz, Penasihat BAKTI; Yang Berhormat Menteri-Menteri; Yang Berhormat Timbalan-Timbalan Menteri; Yang Amat Berbahagia Tun Hajjah Rahah; Dif-Dif Kehormat; Puan-puan dan Tuan-tuan yang dihormati sekalian.

4. Selaku Yang Di-Pertua BAKTI dan bagi pihak rakan-rakan seperjuangan dalam BAKTI, saya dengan penuh ikhlas dan besar hati mengalu-alukan kehadiran tuan-tuan dan puan-puan ke Majlis Malam Kenangan BAKTI ini dan mengucapkan ribuan terima kasih di atas kesudian untuk hadir bersama di Majlis ini. Saya juga menyanjung tinggi di atas kehadiran Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang telah menasihatkan kami untuk mengadakan Malam Kenangan BAKTI ini di Sri Perdana.

Puan-puan dan Tuan-tuan yang dihormati,

5. BAKTI kini sudah genap berusia 10 tahun, satu jangkamasa yang penuh dengan peristiwa-peristiwa yang berkesan dan berfaedah. Banyak cabaran yang telah dihadapi dengan jayanya. BAKTI pada masa ini berdiri megah dengan usaha-usaha dan kegiatan-kegiatan yang diatur rapi dan memberi faedah kepada semua yang terlibat. Ini semua tidak akan wujud tanpa ilham daripada seorang isteri 10 tahun lalu yang telah mengumpulkan rakan-rakan beliau untuk melapangkan masa dan menyumbangkan tenaga mereka dalam usaha amal bakti.

menyumbangkan tenaga mereka dalam usaha amal bakti.

Mereka menerima hakikat bahawa di tangan mereka inilah terdapat keistimewaan yang boleh menggerakkan usaha-usaha murni ini, dan dengan itu maka lahirlah BAKTI pada 16hb. Mei, 1977. BAKTI sekarang telah membesar subur dan dihormati umum.

6. Di atas daya usahanya itu, kita terhutang budi kepada Yang Amat Berbahagia Toh Puan Suhailah, Pengasas BAKTI yang kita sanjungi dan ucapan terima kasih kami yang tidak terhingga atas belai manjanya kepada BAKTI, memandu BAKTI dari umur bayi sehinggalah menjadi anak kecil yang boleh berlari-lari.

7. Pada mulanya, ahli-ahli BAKTI tidak begitu ramai kerana terhad kepada isteri-isteri pemimpin yang sedang bertugas sahaja. Tetapi sekarang ini keahliannya berjumlah 100 orang yang terdiri daripada isteri pemimpin-pemimpin yang sedang berkhidmat dan juga yang telah bersara. Dengan itu kegiatan BAKTI juga telah bertambah pesat semenjak 10 tahun yang lalu.

8. Sebagaimana yang telah termaklum, BAKTI menumpukan daya usahanya dalam bidang-bidang kebajikan bagi golongan masyarakat yang kurang bernasib baik. Kami bersyukur kerana orang ramai daripada berbagai golongan telah menerima dan menyambut baik rayuan-rayuan kami terutama dalam usaha-usaha mengutip derma. Beberapa projek amal bakti telah diadakan dan mendapat sokongan yang tidak berbelah bahagi oleh orang ramai. Sering kali sokongan yang diterima adalah diluar dugaan BAKTI.

Para hadirin yang dihormati sekalian,

9. Dalam masa 10 tahun yang lalu, BAKTI telah berusaha mengadakan banyak projek amal yang tidak dapat saya senaraikan dalam ucapan ini. Memadailah jika saya sentuh secara ringkas di antara usaha-usaha itu. Sebahagian besar daripada usaha-usaha itu adalah berupa pemberian bantuan sama ada wang atau perkakas kepada badan-badan dan orang perseorangan yang amat memerlukannya. Ini termasuk mangsa- mangsa bencana alam, pesakit-pesakit, murid-murid sekolah dan institusi pengajian tinggi, rumah-rumah sakit dan pertubuhan-pertubuhan kebajikan.

10. Di samping itu juga BAKTI menggalakkan ahli-ahlinya supaya bergerak dalam kegiatan-kegiatan sosial yang boleh memberikan hasil bukan sahaja daripada segi merapatkan pergaulan mereka tetapi juga memperluaskan penglibatan BAKTI dalam usaha-usaha kebajikannya. Ahli-ahli BAKTI juga aktif dalam bidang sukan dan kesenian dan banyak usaha telah diadakan. Saya sangat terharu dengan semangat kerjasama dan dedikasi yang telah ditunjukkan oleh ahli-ahli BAKTI. Saya berasa yakin bahawa masa depan BAKTI adalah cerah dan akan bertambah cemerlang lagi dengan adanya sikap seperti ini.

11. Saya juga mengambil kesempatan ini untuk menyatakan bahawa BAKTI telah berjaya menganjurkan satu seminar peringkat kebangsaan mengenai anti dadah, sejajar dengan harapan negara kita untuk membasmi penyalah-gunaan najis dadah di kalangan masyarakat kita. Seminar tersebut telah mendapat sambutan baik daripada para peserta di seluruh negara.

Puan-puan dan Tuan-tuan sekalian,

12. Izinkan saya menyentuh sedikit berkenaan perayaan ulangtahun ke-10 BAKTI ini. Beberapa acara telah diadakan, di antaranya ialah: a) Majlis kesyukuran - sebagai upacara pembukaan perayaan pada 2hb. Julai.

b) Perlawanan badminton sesama ahli BAKTI dengan bantuan daripada Pasukan Toh Puan Noraishikin pada 3hb. Julai.

c) Lawatan-lawatan ke Rumah Orang Tua dan Hospital Kinrara.

d) Penyerahan bantuan kepada Persatuan Bekas Perajurit dan Polis pada 10hb. Julai.

...Berkelah/- e) Berkelah dengan keluarga di Port Dickson pada 12hb. Julai.

f) Majlis Malam Kenangan BAKTI - merupakan acara kemuncak pada malam ini.

g) Majlis Membaca Yassin dan Tahlil - sebagai upacara penutup Perayaan pada 16hb. Julai.

13. Malam Kenangan BAKTI yang sedang kita raikan malam ini bukan sahaja berupa majlis jamuan makan malam tetapi sebagai peluang untuk ahli-ahli BAKTI menunjukkan bakat masing-masing. 'All work and no play, makes Jill a dull girl' adalah prinsip yang diikuti. Oleh itu sebentar lagi para hadirin akan berpeluang menyaksikan telatah mereka hasil daripada latihan yang telah diadakan beberapa kali. Saya terlebih dahulu menyusun jari memohon maaf kepada para hadirin yang budiman sekiranya ada acara-acara yang tidak begitu memuaskan. Namun begitu mereka yang menyertainya adalah ikhlas untuk meriangkan suasana pada malam ini.

14. Akhir kata, ucapan tahniah dan terima kasih yang tidak terhingga saya tujukan kepada pihak-pihak yang telah bertungkus lumus bekerja dan menyelaras aturcara sehinggalah berjaya. Saya bagi pihak BAKTI mengucapkan terima kasih kepada: a) Pemusik-pemusik dan Jurulatih kita: - Puan Christine - pemain piano - En. Ariff Ahmad - pemain piano dan organ - En. Daud Omar - alat-alat pembesar suara dan gubahan-gubahan bunga.

- En. Ismail - pembantu pentas.

b) Pihak RTM yang telah membuat liputan upacara-upacara BAKTI.

c) Puan Mahani Mydin kerana melatih model-model BAKTI dalam pertunjukkan fesyen.

d) Hotel Regent kerana pembinaan pentas dan lampu-lampu.

e) Para penderma yang telah menyumbangkan wang dan barang-barang untuk orang-orang tua di Sri Kenangan dan pesakit-pesakit di Hospital Kinrara.

f) Yang Amat Berbahagia Toh Puan Noraishikin Ismail, selaku Pengerusi Jawatankuasa Induk Perayaan serta Jawatankuasa Kecil beliau yang dengan gigih dan tekun mengaturkan upacara-upacara perayaan dengan begitu baik.

g) Saya amat berasa bangga atas sambutan dan minat ahli-ahli BAKTI menyertai persembahan untuk malam ini, khasnya ahli-ahli baru. Inilah tujuan BAKTI Untuk mengumpul isteri-isteri supaya dapat berkenal-kenalan dan bermuhibah.

15. Sekali lagi saya mengucapkan berbanyak terima kasih kepada tetamu-tetamu BAKTI yang turut hadir bersama-sama dengan BAKTI pada malam ini.

Ampun Tuanku, 16. Patik akhiri ucapan ini dengan memohon berbanyak maaf sekiranya terdapat apa jua yang tidak menyenangkan Tuanku nanti.

BAKTI berusia 10 tahun, Baru belajar berlari-lari, Ampun maaf patik mohon, Dengan ikhlas dari BAKTI.

Ampun tuanku, Wabillahi taufik walhidayah wassalamu alaikum warahmatullahi wabarakatuh.